

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JTP 401 – ETIKA PERNIAGAAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas di dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Calon dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan sahaja, iaitu SATU (1) soalan dari Bahagian A, SATU (1) soalan dari Bahagian B dan pilih SATU (1) lagi soalan dari mana-mana Bahagian A atau Bahagian B.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan akan dinilai berdasarkan 100 markah.

**BAHAGIAN A (Analisis Konsep)**

1. Persidangan Meja Bundar Caux, Switzerland (*The Caux Round Table*) yang disertai oleh pemimpin-pemimpin perniagaan dari Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat telah memutuskan satu kod etika perniagaan antarabangsa yang merangkumi 13 prinsip yang menyeluruh. Huraikan prinsip-prinsip tersebut serta bincangkan sejauhmana prinsip-prinsip berkenaan diamalkan oleh sektor korporat di Malaysia.

(100 markah)

2. Penzahiran maklumat kewangan yang salah yang dilakukan oleh pengurusan atasan syarikat tenaga gergasi Amerika Syarikat ENRON cuma diketahui umum setelah skandal tersebut didedahkan oleh tiga orang staf wanitanya. Tindakan ini dikenali dalam kajian Etika Perniagaan sebagai "*Whistle Blowing*".

Huraikan takrif konsep ini, justifikasi dan hak individu mendedahkan tindakan salah, dilema antara kesetiaan kepada syarikat dan tanggungjawab kepada masyarakat, opsyen 4-dimensi, syarat-syarat pendedahan, perlindungan terhadap mereka yang "meniup wisel" dan bagaimana syarikat membangunkan satu dasar bagi membendung atau mengelakkan pendedahan yang tidak tepat.

(100 markah)

3. TRI Berhad baru-baru ini mendakwa bahawa bekas penggerusi syarikat tersebut, sejurus sebelum melepaskan jawatannya, telah membuat beberapa keputusan yang tidak beretika seperti membayar komisyen kepada diri sendiri dan adiknya setelah menyempurnakan tugas menyusun-semula hutang syarikat sungguhpun itu adalah tugas mereka sebagai pengarah yang bertanggungjawab terhadap kerugian syarikat. Bekas penggerusi TRI juga didakwa telah menghadiahkan pada diri sendiri, dan dua orang lagi bekas pengarah termasuk adiknya, kereta mewah pada kadar nominal RM1 sebagai faedah perletakan jawatan sungguhpun sebenarnya mereka telah "diberhentikan" oleh pemegang saham utama yang baru. Personaliti yang sama telah didakwa oleh pengurusan MAS Berhad menyalahgunakan kuasa dengan memberi kontrak kepada syarikat miliknya sendiri dalam kes penyelewengan MASKargo di Hahn Germany. Bincangkan bagaimana kemelut etika seperti ini boleh berlaku dalam dunia perniagaan di Malaysia dan kemukakan cadangan penyelesaian anda.

(100 markah)

**BAHAGIAN B (Analisis Kes)**

4. Kes "*Firestone's Tire Recall*" yang terdapat dalam Ferrell, Fraedrich & Ferrell, 2002 mempamerkan satu kemelut etikal dua pihak - Firestone dan Ford - yang saling menudung jari menyalahkan satu sama lain tentang liabiliti secara langsung kepada pelanggan. Huraikan kes ini dan kemukakan perakuan anda sebagai panduan untuk industri pembuatan kereta di Malaysia.
- (100 markah)
5. Apa yang dapat anda pelajari dari kes "*Mitsubishi: Sexual Harrassment in the Workplace*" yang terdapat didalam Ferrell, Fraedrich & Ferrell, 2002? Fokuskan perbincangan kepada kedua-dua isu etikal iaitu gangguan seksual terhadap pekerja wanita dan konflik rentas-budaya dalam syarikat multinasional.
- (100 markah)
6. Mungkinkah bencana "*The Wreck of the Exxon Valdex*" (rujuk kes berkenaan didalam Ferrell, Fraedrich & Ferrell, 2002) dapat dielakkan sekiranya Exxon mempunyai satu program etika yang berkesan? Kaitkan perbincangan anda dengan isu tanggungjawab firma perniagaan melindungi alam sekitar.
- (100 markah)